

MMC-Gamuda miliki kelebihan raih projek MRT Corp

SELEPAS kontrak utama sulung untuk projek My Rapid Transit (MRT) diberikan minggu lalu, perhatian kini ditumpukan pula kepada kontraktor yang bakal diberi mandat untuk melaksanakan pakej pembinaan terowong bawah tanah dengan MMC-Gamuda Joint Venture Sdn Bhd dikatakan menjadi pilihan utama.

Penganalisis berkata, syarikat usaha sama antara MMC Corporation Bhd dan Gamuda Bhd itu berada pada kedudukan terbaik untuk meraih kontrak itu yang dianggarkan bernilai antara RM9 bilion hingga RM12 bilion dengan memanfaatkan kedudukannya sebagai rakan pelaksana projek (PDP) MRT.

Katanya, proses tender bagi kerja pembinaan terowong bawah tanah itu yang akan dilakukan menerusi kaedah 'Swiss Challenge' membolehkan syarikat usaha sama itu berhak menghantar bidaan yang menyamai tawaran terbaik di kalangan pesaing.

"Kami percaya ini memberi kelebihan kepada syarikat usaha sama MMC-Gamuda yang sebahagian besarnya disebabkan oleh pengetahuan mendalamnya terhadap jajaran trek projek MRT itu serta keadaan muka bumi di sepanjang landasan.

"Sebagai tambahan, kriteria ketat yang diletakkan oleh pemilik dan pengendali projek MRT, iaitu MRT Corp juga dilihat memberi kelebihan kepada MMC-Gamuda.

"Kami menjangka pemenang bagi kerja pembinaan terowong bawah tanah ini akan diumumkan pada suku kedua ini," katanya kepada *Berita Harian*.

Swiss Challenge adalah kaedah pemerolehan kontrak awam yang mana sesebuah agensi bertanggungjawab yang menerima bidaan bagi sesebuah projek awam seperti pelabuhan, jalan raya atau landasan yang akan disediakan kepada kerajaan, maka ia akan disiarkan dan mempelawa pihak ketiga untuk menandingi bidaan berkenaan,

Minggu lalu, MRT Corp, pemilik serta pengendali My Rapid Transit (MRT) laluan Sungai Buloh-Kajang, mula mengagihkan kontrak utama bagi pelaksanaan projek mega dianggarkan bernilai kira-kira RM50 bilion itu dengan mengumumkan pemberian dua kontrak bernilai RM1.73 bilion.

Kontrak pertama adalah bagi pelaksanaan Pakej V5 membabitkan kerja membina dan menyiapkan laluan jejambat serta kerja berkaitan dari stesen Maluri Portal ke Plaza



Kami menjangka pemenang bagi kerja pembinaan terowong bawah tanah ini akan diumumkan pada suku kedua ini



Penganalisis

Phoenix bernilai RM974 juta, manakala yang kedua adalah Pakej V6 untuk membina dan menyiapkan jejambat serta kerja berkaitan dari stesen Plaza Phoenix ke Bandar Tun Hussein Onn bernilai RM764 juta.

Syarikat pembinaan milik IJM Corporation Bhd, IJM Construction Sdn Bhd dipilih kontraktor utama bagi pakej V5 itu, manakala anak syarikat Ahmad Zaki Resources Bhd, Ahmad Zaki Sdn Bhd pula untuk pakej V6.

MRT Corp sudah menutup tender bagi kerja pembinaan terowong bawah tanah akhir tahun lalu dan ia dijangka mengumumkan pemenangnya pada Mac atau April ini, sekali gus kontrak utama kedua selepas pakej V5 dan V6.

Selain MMC-Gamuda terdapat empat lagi calon utama bagi kerja berkenaan iaitu syarikat usaha sama Gadang-Hyundai, dua syarikat dari China iaitu Sinohydro Group dan China Railway Corp serta Tai-sei Corp dari Jepun.